

# Urusniaga minyak mentah perlu guna pelbagai mata wang

UM 17 JUN 1998  
KUALA LUMPUR 16 Jun — Malaysia mahu urusniaga minyak mentah dan gas dilaksanakan menggunakan pelbagai mata wang kata Gabenor Bank Negara, Datuk Dr. Zeti Akhtar Aziz.

“Malaysia mahu melihat dagangan berkenaan dilakukan dalam pelbagai mata wang,” katanya selepas ditemui oleh para pemberita pada Persidangan Tahunan Ke-8 Minyak dan Gas Asia (AAOGC), hari ini.

Beliau, bagaimanapun gagal mengulas lanjut apabila perbualan mereka dihalang oleh pegawai Sekretariat AAOGC.

Zeti berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya dikaji semula sebut harga minyak berkenaan dalam dolar AS ekoran penurunan nilai mata wang itu berbanding Euro sejak kebelakangan ini.

Dalam ucapan perasmian majlis itu, Dr. Mahathir menyatakan pengeluar minyak perlu melindungi diri mereka daripada keadaan

tidak menentu dalam pasaran mata wang terutama manipulasi para pedagang mata wang.

Perdana Menteri berkata, mungkin adalah lebih baik pembayaran bagi jualan minyak oleh

negara-negara pengeluar dibuat dalam euro bersamaan dengan dolar AS kerana apabila euro meningkat ia akan memberi faedah kepada pengeluar.

Sementara itu, **Thierry**

Desmarest, Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat minyak Perancis. Total berkata, langkah seumpamanya bergantung kepada keputusan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC).

“Ia agak rumit dan terletak kepada negara OPEC untuk metuskannya.

“Mereka sudah mengkajinya beberapa kali tetapi akhirnya mendapati mata wang dolar tidaklah teruk sangat,” katanya.

Sementara itu, Pengarah bagi Asia dan Oceania Bank Kerjasama Antarabangsa Jepun, Fumio Hoshi berkata, penggunaan beberapa mata wang adalah ideal untuk mengelakkan berulangnya krisis kewangan Asia 1997/98.

Menurutnya, Asia telah cuba menubuhkan Dana Kewangan Asia selepas krisis 1997 tetapi tidak berjaya.

“Kita patut mempertimbangkan sesuatu seperti sebakul mata wang Asia tetapi harus ingat terdapat juga perbezaan dari segi saiz dan kekuatan ekonomi negara-negara Asia. Ia memerlukan sedikit masa,” katanva.